



Mangsa serangan bunuh diri di daerah Momand Dara diberi rawatan selepas dibawa ke hospital di Jalalabad, Afghanistan.

Pilihan raya Afghanistan diragui

BERITA HARIAN 13/9/18 m/s 70

➔ Serangan terbaru cetus kebimbangan keselamatan ketika undian

► Kabul

Pegawai Afghanistan menyuarakan kebimbangan bahawa pilihan raya umum pada 20 Oktober depan tidak dapat diadakan jika keganasan dan pertumpahan darah berterusan.

Keraguan itu diluahkan selepas angka kematian kerana serangan

bunuh diri di Nangarhar, timur negara itu, ketika penduduk melancarkan protes, mencapai 68 orang hari ini.

Keganasan juga dilaporkan meledak di seluruh negara itu menjelang pilihan raya dan ketika orang Islam menyambut permulaan bulan Muharram.

Penyerang meletupkan bom semalam di wilayah Nangarhar, timur Afghanistan, serangan terbaru oleh pemberontak yang telah mengorbankan ratusan nyawa orang awam dan anggota keselamatan di seluruh negara itu.

Letupan berkenaan mencederakan 165 orang, kata jurucakap gabenor wilayah, Ataulah Khogyani dan Jabatan Kesihatan Nangarhar mengesahkannya.

Awalnya, puluhan penunjuk perasaan melakukan hadangan di lebuhraya di antara ibu kota negeri Jalalabad dan lintasan masuk ke sempadan Pakistan ketika membantah pelantikan seorang ketua polis apabila penyerang meletupkan bom.

Rawat pesakit yang ramai

Mereka yang terbunuh dan cedera dikejarkan ke beberapa hospital dengan menggunakan trak dan ambulans. Doktor dan jururawat dikatakan bertungkus lumus merawat bilangan pesakit yang ramai.

Seorang mangsa yang cedera, Zar Khan, berkata dia nampak seorang pemuda keluar dari kereta dan berlari ke arah penunjuk perasaan sambil menjerit 'Allahu

Akbar' (Allah Maha Besar). "Kemudian letupan berlaku dan saya berlumuran darah serta dikelilingi mayat," katanya ketika ditemui di katil hospital.

Itu adalah serangan yang menyebabkan korban tertinggi sejak satu ambulans dipenuhi bahan letupan diletupkan di satu kawasan ramai orang di tengah Kabul, Januari lalu, menyebabkan lebih 100 terbunuh, kebanyakannya orang awam.

Pergerakan Taliban mendakwa bertanggungjawab dalam kejadian an itu. Keganasan di Afghanistan semakin meningkat sejak beberapa minggu lalu selepas puak Taliban semakin berjaya menandakan musuh di medan perang dibantu Daesh yang turut melancarkan serangan. **AFP**

Info

Serangan paling banyak menyebabkan kematian

➔ **27 Januari:** Sebuah ambulans penuh bahan letupan meletup di sebuah pasar menyebabkan lebih 100 terbunuh

➔ **17 Oktober 2017:**

Seramai 80 anggota polis dan askar maut kerana dua serangan berasingan penyerang Taliban

➔ **31 Mei:** Lebih 150 orang maut dan ratusan lagi cedera kerana letupan bom trak di kawasan diplomatik Kabul